

Dasar Privasi

Safe Harbor dan Dasar Privasi Pengguna Dalam Talian Jabil Circuit, Inc.

1. Tujuan. Jabil Circuit, Inc. telah membuat Dasar Privasi yang berikut (a) untuk mematuhi dasar Safe Harbor Amerika Syarikat, (b) untuk memudahkan pertukaran maklumat antara pejabat Jabil Circuit, Inc. yang terletak di Amerika Syarikat, di Kesatuan Eropah, dan dalam bidang kuasa yang lain, dan (c) untuk mentadbir maklumat Jabil Circuit Inc. yang kebiasaannya diterima menerusi Laman Web ini. Skop dan terma Dasar Privasi ini ditetapkan seperti di bawah.

2. Perjanjian Anda. Penggunaan Laman Web ini, atau penghantaran maklumat melalui Laman Web ini, akan membentuk persetujuan anda pada Dasar Privasi ini. Sila ulas terma ini untuk memastikan ia boleh diterima. Di samping itu, sila ulas juga Terma Penggunaan kami, yang terletak di <http://jabil.com/legal.asp> untuk memastikan ia juga dapat diterima.

3. Takrifan. Istilah yang berhuruf besar dalam Dasar Privasi ini mempunyai maksud yang dikemukakan dalam Seksyen 21 (Istilah yang Ditakrifkan).

4. Pensijilan Safe Harbor. Jabil AS telah mengamalkan (i) Safe Harbor dan Dasar Privasi Pengguna Dalam Talian ini dan (ii) Dasar Privasi Pekerja Jabil AS EU yang berasingan supaya dapat mengambil bahagian dalam Safe Harbor AS. Jabil AS memperakui bersama dengan Jabatan Perdagangan AS bahawa Dasar Privasi ini mematuhi Safe Harbor dan memberikan perlindungan yang mencukupi seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perlindungan Data.

5. Skop Dasar Privasi.

5.1. Penggunaan di Jabil AS dan Anggota Gabungan Jabil di AS. Dasar Privasi ini mentadbir Amalan Pengumpulan Data Peribadi Jabil AS yang merujuk kepada Data Peribadi yang diterima oleh Jabil AS dan Anggota Gabungan AS daripada Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian. Dasar Privasi ini tidak diguna pakai pada mana-mana subjek data yang lain.

5.2. Tiada Penggunaan pada Pekerja Jabil; Perlindungan Data Peribadi Pekerja. Dasar Privasi ini tidak menerangkan Amalan Perlindungan Data Peribadi Jabil AS dan Anggota Gabungan Jabil yang merujuk kepada Pekerja Jabil, dan Dasar Privasi ini tidak meliputi Pekerja Jabil.

6. Pelawat Laman. Maklumat yang mungkin diterima oleh Jabil AS berhubungan dengan Pelawat Laman yang menggunakan Laman Web Jabil terbahagi kepada dua kategori: Maklumat Agregat (didefinisikan di bawah dalam Seksyen 6.1) dan Data Peribadi. Seksyen ini menetapkan Amalan Perlindungan Data Peribadi agar boleh digunakan oleh Pelawat Laman.

6.1. Maklumat Agregat daripada Pelawat Laman. "Maklumat Agregat" adalah maklumat yang tidak akan mengenal pasti Pelawat Laman, dan mungkin termasuk, contohnya, maklumat statistik berkenaan halaman web pada Laman Web Jabil yang paling kerap digunakan oleh pengguna. Maklumat Agregat mungkin diambil melalui kuki dan teknologi Internet yang sama. "Kuki" adalah fail teks kecil pada laman web yang boleh digunakan untuk mengenal pasti pengguna berulang, memudahkan akses berterusan pengguna dan penggunaan laman dan untuk menyusun data agregat bagi memperbaiki laman web ini dan menumpukan kepada pengiklanan. Jika Jabil AS menggunakan kuki atau teknologi Internet yang sama pada Laman Web Jabil, teknologi ini tidak akan mengambil atau mengekalkan nama Pelawat Laman atau Data Peribadi lain. Selain itu, tiada pihak ketiga yang dibenarkan untuk menggunakan kuki yang Jabil AS mungkin lakukan pada Laman Web Jabil untuk kegunaan sendiri. Dengan Maklumat Agregat, Jabil AS mungkin menjalankan atau melakukan statistik dan analisis ringkasan lain bagi perilaku Pelawat Laman dan karakter semasa melawat Laman Web Jabil. Walaupun Jabil AS mungkin berkongsi maklumat agregat ini dengan pihak ketiga, tiada maklumat agregat yang diberikan kepada pihak ketiga yang akan membenarkan pihak tersebut mengenal pasti Pelawat Laman, atau menentukan apa-apa jua yang peribadi mengenai Pelawat Laman.

6.2. Data Peribadi daripada Pelawat Laman. Jabil AS mungkin menerima Data Peribadi daripada Pelawat Laman yang menggunakan Laman Web Jabil, yang digunakan, (i) untuk menghantar soalan atau komen

kepada Jabil AS, (ii) untuk meminta soalan mengenai produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabil AS atau Anggota Gabungan Jabil, atau (iii) untuk menggunakan ciri lain yang mungkin tersedia pada Laman Web yang memerlukan Data Peribadi. Jabil AS menggunakan Data Peribadi yang dihantar Pelawat Laman melalui Laman Web Jabil (a) untuk memberi jawapan kepada Pelawat Laman (walaupun Jabil AS dalam Dasar Privasi ini tidak wajib untuk menjawab kepada mana-mana Pelawat Laman), dan (b) untuk memberikan perkhidmatan atau produk yang diminta oleh Pelawat Laman, di mana perkhidmatan atau produk yang diminta adalah, sebenarnya, ditawarkan oleh Jabil AS dan menurut prosedur perniagaan standard Jabil AS.

6.2.1. Kegunaan Seterusnya. Jabil AS dan Anggota Gabungan AS mungkin ingin menggunakan Maklumat Peribadi Pelawat Laman untuk tujuan tambahan kepada yang telah ditetapkan dalam Seksyen 6.2 (Data Peribadi daripada Pelawat Laman) dan yang tidak termasuk pendedahan melebihi daripada yang dibenarkan dalam Seksyen 12 (Pendedahan Selanjutnya). Jika Jabil AS menggunakan Data Peribadi Pelawat Laman untuk tujuan tambahan berkaitan Jabil, seperti untuk menghubungi Pelawat Laman secara bebas bagi pertanyaan daripada Pelawat Laman, Pelawat Laman, boleh memilih untuk tidak menerima penggunaan tambahan tersebut menurut Seksyen 11 (Pilihan dan Hak Memilih Keluar).

6.2.2. Pendedahan. Jabil AS tidak akan mendedahkan Data Peribadi yang diterima daripada Pelawat Laman kecuali menurut Seksyen 12 (Pendedahan Selanjutnya).

7. Pemohon Pekerjaan. Laman Web Jabil membenarkan Pemohon Pekerjaan menghantar permohonan pekerjaan kepada Jabil AS dan kepada Anggota Gabungan Jabil. Selain itu, Jabil AS dan Anggota Gabungan AS mungkin menerima maklumat daripada Anggota Gabungan EU berkenaan Pemohon Pekerjaan EU. Permohonan yang dihantar oleh Pemohon Pekerjaan akan merangkumi Data Peribadi. Seksyen ini menyediakan Amalan Perlindungan Data Peribadi Jabil AS dengan merujuk kepada Data Peribadi seperti itu.

7.1. Penggunaan Data Peribadi Peserta Pemohon. Jabil AS menggunakan Data Peribadi yang diterima daripada Pemohon Pekerjaan (i) untuk memproses permohonan Pemohon, (ii) untuk menghubungi rujukan yang mungkin dikenal pasti dalam permohonan, (iii) untuk mengumpul dan menyusun maklumat tambahan berkenaan Pemohon daripada sumber yang tersedia, konsisten dengan undang-undang yang dikenakan, dan (iv) untuk menilai peserta Permohonan Pekerjaan untuk pengambilan bekerja.

7.1.1. Kegunaan Seterusnya. Jabil AS dan Anggota Gabungan AS mungkin perlu menggunakan Data Peribadi Peserta Pekerjaan untuk tujuan sebagai tambahan kepada yang telah ditetapkan dalam Seksyen 7.1 (Penggunaan Data Peribadi Pemohon) dan yang tidak termasuk pendedahan melebihi daripada yang dibenarkan dalam Seksyen 12 (Pendedahan Selanjutnya). Jika Jabil AS menggunakan Data Peribadi Pemohon Pekerjaan untuk tujuan tambahan berkaitan Jabil, seperti untuk menghubungi Pemohon Pekerjaan secara bebas bagi proses permohonan pekerjaan, Pemohon Pekerjaan boleh memilih untuk tidak menerima penggunaan tambahan tersebut menurut Seksyen 11 (Pilihan dan Hak Memilih).

7.1.2. Pendedahan. Jabil AS tidak akan mendedahkan Data Peribadi yang diterima daripada Pemohon Pekerjaan kecuali menurut Seksyen 12 (Pendedahan Selanjutnya). Jika Pemohon Pekerjaan mencari peluang pekerjaan dengan Anggota Gabungan Jabil, Jabil AS akan memberikan maklumat yang relevan berkenaan Pemohon Pekerjaan, termasuk Data Peribadi kepada Anggota Gabungan Jabil, tertakluk kepada Subjek 12 (Pendedahan Selanjutnya).

7.2. Data Sensitif. Jabil AS dan Anggota Gabungan Jabil tidak meminta Data Sensitif daripada Pemohon Pekerjaan, kecuali seperti yang dibenarkan dengan jelas di bawah undang-undang dan peraturan tempatan bagi bidang kuasa yang dikenakan. Dalam keadaan apabila Pemohon Pekerjaan menghantar Data Sensitif, Jabil AS akan mengendalikan Data Sensitif tersebut menurut Seksyen 10 (Data Sensitif).

7.3. Tidak Berkewajipan untuk Mempertimbangkan Permohonan. Disebabkan oleh percirian Internet dan struktur Laman Web Jabil, Jabil AS mungkin menerima (i) lebih banyak permohonan melalui Laman Web Jabil daripada yang Jabil AS mahu untuk menyemak semula, (ii) permohonan yang tidak memenuhi keperluan untuk jawatan yang tersedia, dan (iii) permohonan pada tahap di mana tiada jawatan yang tersedia buat masa itu. Sewajarnya, tiada jaminan bahawa Jabil AS akan memproses atau menyemak semula bahan yang dihantar oleh Pemohon Pekerjaan untuk mendapatkan pekerjaan dengan Jabil AS dan mana-mana Anggota Gabungannya, dan Jabil AS menafikan dengan jelas sebarang kewajipan untuk

terlibat dalam pemprosesan atau semak semula, dan menafikan sebarang kewajipan untuk menjawab sebarang penghantaran Pemohon Pekerjaan.

8. Kenalan Perniagaan EU. Jabil AS mungkin menerima atau mendapatkan Data Peribadi dengan merujuk kepada Kenalan Perniagaan, secara terus atau melalui Anggota Gabungan EU.

8.1. Penggunaan Data Peribadi daripada Kenalan Perniagaan EU. Jabil AS menggunakan Data Peribadi daripada Kenalan Perniagaan EU (i) untuk melakukan dan menguatkuasakan kewajipan kontrak yang dikenakan kepada Kenalan Perniagaan EU, (ii) untuk menilai hubungan sedia ada atau prospektif dengan Kenalan Perniagaan EU sedemikian, (iii) untuk melakukan perkhidmatan atau memberikan barangan yang diminta oleh Kontrak Perniagaan EU; dan (iv) untuk mendapatkan perniagaan atau membentangkan peluang perniagaan kepada Kenalan Perniagaan EU.

8.2. Pendedahan. Jabil AS tidak akan mendedahkan Data Peribadi yang diterima daripada Kenalan Perniagaan EU kecuali menurut Seksyen 12 (Pendedahan Selanjutnya).

8.3. Maklumat Kad Perniagaan. Maklumat Kad Perniagaan (seperti yang ditakrifkan di bawah) adalah biasanya ditukar secara bebas, dan biasanya tidak berkelayakan sebagai Data Peribadi kerana ia tersedia secara umum, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 21.15. Sewajarnya, Maklumat Kad Perniagaan diperlakukan secara berbeza daripada Data Peribadi di bawah Dasar Privasi ini, seperti yang dinyatakan di bawah:

8.3.1. Maklumat Kad Perniagaan. Kecuali dalam keadaan calon gabungan atau pemerolehan dan dalam keadaan yang mana maklumat tambahan adalah lebih baik, dalam penggunaan maklumat daripada Kenalan Perniagaan EU, Jabil AS dan Anggota Gabungan AS biasanya menggunakan hanya Data Peribadi (i) yang mengenal pasti pembuat keputusan individu pada kerelevanan Kenalan Perniagaan EU, dan (iii) yang termasuk alamat perniagaan individu tersebut, e-mel perniagaan dan nombor telefon perniagaan (secara terkumpul "Maklumat Kad Perniagaan").

8.3.2. Mendedahkan Maklumat Kad Perniagaan Berhubung Peluang Perniagaan Pihak Ketiga. Jabil AS dan Anggota Gabungan AS memberikan Maklumat Kad Perniagaan daripada Kontrak Perniagaan EU kepada pihak ketiga di luar gabungan di mana Jabil AS dan Anggota Gabungan AS percaya bahawa peluang perniagaan atau peluang relevan yang lain dibentangkan.

9. Pelanggan EU. Jabil AS mungkin menerima Data Peribadi daripada Anggota Gabungan EU berkenaan Pelanggan EU. Jika Jabil AS memperoleh Data Peribadi daripada Pelanggan EU, Jabil AS harus menggunakan Data Peribadi seperti itu (i) untuk membantu Anggota Gabungan EU dalam menyediakan barangan dan perkhidmatan kepada Pelanggan EU, dan (iii) untuk memberi jawapan kepada pertanyaan daripada Pelanggan EU.

9.1. Kegunaan Seterusnya. Jabil AS dan Anggota Gabungan AS mungkin ingin menggunakan Maklumat Peribadi Pelanggan EU untuk tujuan sebagai tambahan kepada yang telah ditetapkan dalam Seksyen 9 (Pelanggan EU) dan yang tidak termasuk pendedahan melebihi daripada yang dibenarkan dalam Seksyen 12 (Pendedahan Selanjutnya). Jika Jabil AS menggunakan Data Peribadi Pelanggan EU untuk tujuan tambahan berkaitan Jabil ini, seperti untuk menghubungi Pelanggan EU bebas bagi pertanyaan daripada Pelanggan EU, Pelanggan EU boleh memilih untuk tidak menerima penggunaan tambahan tersebut menurut Seksyen 11 (Pilihan dan Hak Memilih Keluar).

9.2. Pendedahan. Jabil AS tidak akan mendedahkan Data Peribadi yang diterima daripada Pelanggan EU kecuali menurut Seksyen 12 (Pendedahan Selanjutnya).

10. Data Sensitif. Seksyen ini memberikan Jabil AS dan Anggota Gabungan AS Amalan Perlindungan Data Peribadi berkenaan Data Sensitif.

10.1. Pematuhan Undang-undang. Jabil AS dan Anggota Gabungan Jabil mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikenakan kepada Data Sensitif dalam bidang kuasa mereka, dan tidak mengambil atau meminta Data Sensitif kecuali menurut undang-undang dan peraturan.

10.2. Perlindungan Tambahan untuk Data Sensitif. Jika Jabil AS atau Anggota Gabungan AS menerima Data Peribadi berkenaan Subjek Data EU, Jabil AS dan Anggota Gabungan AS tidak akan mendedahkan Data Sensitif seperti itu kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak akan menggunakan Data Sensitif untuk sebarang tujuan selain daripada (i) untuk tujuan yang mana ia disediakan secara asalnya oleh Subjek Data EU atau (ii) untuk tujuan kemudian yang diberi kuasa atau dipersetujui dengan jelas oleh Subjek Data EU, kecuali seperti yang diberikan di bawah dalam Seksyen 10.3 (Pengecualian daripada Keperluan Persetujuan untuk Pendedahan Tertentu).

10.3. Pengecualian daripada Keperluan Persetujuan untuk Pendedahan Tertentu. Menurut Arahan Perlindungan Data, dan tanpa mengambil kira keperluan Seksyen 10.2 (Perlindungan Tambahan untuk Data Sensitif), Jabil AS dan Anggota Gabungan AS akan tertakluk untuk menggunakan atau mendedahkan Data Sensitif (serta Data Peribadi) di mana dengan pendedahan atau penggunaan tersebut: (i) adalah dalam kepentingan utama bagi Subjek Data atau orang lain, (ii) adalah perlu dalam mewujudkan tuntutan atau pertahanan perundangan, (iii) adalah diperlukan untuk menyediakan penjagaan perubatan atau diagnosis, (iv) adalah perlu untuk menjalankan kewajipan Jabil AS atau Anggota Gabungan Jabil dalam bidang undang-undang pengambilan bekerja, atau (v) adalah berkaitan dengan data yang dibuat secara jelas umum oleh Subjek Data.

11. Pilihan dan Hak Memilih Keluar. Jabil AS dan Anggota Gabungan AS akan menggunakan Data Peribadi bagi Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian untuk tujuan yang telah ditetapkan dalam Seksyen 6 (Pelawat Laman), Seksyen 7 (Pemohon Pekerjaan), Seksyen 8 (Kenalan Perniagaan EU), dan Seksyen 9 (Pelanggan EU), di atas (secara terkumpul, "Tujuan Asal"). Jabil AS atau Anggota Gabungan AS mungkin mahu menggunakan Data Peribadi seperti itu secara berkala untuk tujuan selain daripada Tujuan Asal, termasuk untuk tujuan menyediakan Subjek Data dengan pemasaran langsung dan maklumat lain. Maklumat yang diberikan kepada Subjek Data untuk tujuan seperti itu dirujuk secara terkumpul sebagai "Maklumat Pemasaran Langsung".

11.1. Notis Memilih Keluar. Jika Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian tidak mahu menerima Maklumat Pemasaran Langsung daripada Jabil AS, Subjek Data harus melengkapkan dan melaksanakan Notis Memilih Keluar yang dilampirkan untuk Pemasaran Langsung dan poskan kepada Jabil AS di alamat yang dinyatakan pada notis.

11.2. Jawapan. Jika Jabil AS menerima Notis Memilih Keluar untuk Pemasaran Langsung daripada Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian, Jabil AS dan Anggota Gabungan AS akan mengehadkan penggunaan Data Peribadi Subjek Data kepada Tujuan Asal atau tujuan lain seperti yang Subjek Data mungkin benarkan, tertakluk kepada hak Subjek Data di bawah Seksyen 14 (Hak untuk Mengakses, Mengubah atau Menghapuskan Data Peribadi). Jabil AS akan tertakluk kepada tempoh masa sewajarnya untuk memproses Subjek Data Safe Harbor dan permintaan Dasar Privasi Dalam Talian di bawah Seksyen 11 (Pilihan dan Hak Memilih Keluar).

12. Pendedahan Selanjutnya. Jabil AS mendedahkan Data Peribadi Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian hanya kepada pekerjaannya yang mempunyai "keperluan untuk tahu" sewajarnya bagi Data Peribadi tersebut, dan pekerja tersebut adalah di bawah kewajipan bagi kesulitan kepada Jabil AS. Jabil AS tidak akan mendedahkan Data Peribadi Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian kepada sesiapa selain daripada pekerja yang mempunyai "keperluan untuk tahu" sewajarnya, kecuali seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 12 (Pendedahan Selanjutnya), dalam Seksyen 8.3.2 (Mendedahkan Maklumat Kad Perniagaan Berhubung Peluang Perniagaan Pihak Ketiga), dan dalam Seksyen 18 (Tugasan).

12.1. Anggota Gabungan AS. Jabil AS memerlukan setiap Anggota Gabungan AS untuk mematuhi Dasar Privasi ini, dan pensijilan Safe Harbor Jabil AS direka bentuk untuk memasukkan Anggota Gabungan AS. Sewajarnya, Data Peribadi yang diliputi oleh Dasar Privasi ini didedahkan kepada Anggota Gabungan AS, tertakluk kepada terma Dasar Privasi ini. Sama seperti Jabil AS, Anggota Gabungan AS mendedahkan Data Peribadi Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian hanya kepada pekerjaannya yang mempunyai "keperluan untuk tahu" seperti Data Peribadi dan pekerja seperti itu adalah di bawah kewajipan bagi kesulitan kepada Anggota Gabungan AS yang dikenakan. Anggota Gabungan AS tidak akan mendedahkan Data Peribadi Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian kepada sesiapa selain daripada pekerja yang mempunyai "keperluan untuk tahu" sewajarnya, kecuali seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 12 (Pendedahan Selanjutnya), dalam Seksyen 8.3.2 (Mendedahkan Maklumat Kad Perniagaan Berhubung Peluang Perniagaan Dengan Pihak Ketiga), dan dalam Seksyen 18 (Tugasan).

12.2. Ejen Jabil. Jabil AS dan Anggota Gabungan AS mungkin mendedahkan Data Peribadi Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi dalam Talian (i) kepada pihak ketiga yang bertindak sebagai ejen Jabil AS untuk melakukan tugas bagi pihak Jabil AS dan di bawah pemerhatian Jabil AS, termasuk tetapi tidak terhad kepada Anggota Gabungan Seluruh Dunianya, dan (ii) kepada pihak ketiga yang bertindak sebagai ejen Anggota Gabungan AS untuk melakukan tugas bagi pihak Anggota Gabungan dan di bawah pemerhatiannya, termasuk dan tidak terhad kepada Anggota Gabungan Seluruh Dunianya, memberikan pihak ketiga sama ada (a) melanggan kepada prinsip Safe Harbor atau tertakluk kepada Arahan Perlindungan Data atau pencarian keperluan perlindungan data EU atau (b) bersetuju (1) untuk memberikan perlindungan boleh audit kepada kepentingan privasi Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian yang tidak kurang perlindungannya seperti yang ditetapkan dalam Dasar Privasi, dan (2) untuk menggunakan Data Peribadi hanya untuk tujuan yang mana pihak ketiga tersebut telah dilibatkan oleh Jabil AS atau Anggota Gabungan AS.

12.3. Pihak Ketiga Lain. Kecuali seperti yang diberikan dalam Seksyen 10.3 (Pengecualian Keperluan Persetujuan untuk Pendedahan Tertentu), Jabil AS dan Anggota Gabungan AS tidak akan mendedahkan Data Peribadi Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian kepada mana-mana pihak ketiga selain daripada yang dikenal pasti dalam Seksyen 12 (Pendedahan Selanjutnya) tanpa persetujuan jelas daripada Subjek Data.

13. Kesulitan dan Keselamatan Data Peribadi. Jabil AS dan Anggota Gabungan AS mengekalkan perlindungan fizikal, elektronik dan prosedur yang direka untuk melindungi Data Peribadi Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian dan untuk mengelakkan akses yang tidak dibenarkan. Sistem keselamatan teknikal ini distrukturkan untuk menghalang dan mengelakkan penggodam dan lain-lain daripada mengakses Data Peribadi Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian.

13.1. Pencegahan berkenaan Perlindungan Teknikal. Disebabkan oleh teknologi yang berevolusi, Jabil AS dan Anggota Gabungan AS tidak boleh memberi jaminan bahawa Data Peribadi yang diberikan akan kekal bebas daripada kehilangan, penyalahgunaan atau pengubahsuaian melalui pihak ketiga, walaupun dengan usaha Jabil AS, mendapat akses yang tidak dibenarkan.

13.2. Pendidikan Pekerja. Pekerja Jabil AS dan Anggota Gabungan AS dengan akses kepada Data Peribadi berkenaan Safe Harbor dan Subjek Data Dasar Privasi Dalam Talian diberi pendidikan berkenaan Amalan Perlindungan Data Peribadi yang dikenakan kepada Jabil, dan pekerja yang melanggar Amalan ini akan tertakluk kepada proses tatatertib.

14. Hak Untuk Mengakses, Mengubah atau Menghapuskan Data Peribadi. Dengan permintaan sewajarnya (dengan terma "sewajarnya" untuk diinterpretasikan menurut SOALAN LAZIM 8 bagi Safe Harbor), dan setakat permintaan tidak berkompromi dengan Amalan Perlindungan Data Peribadi, Jabil AS membenarkan Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian untuk mengakses kepada Data Peribadinya untuk membetulkan, meminda atau menghapuskan Data seperti itu.

14.1. Permintaan. Semua permintaan di bawah Seksyen 14 ini (Hak untuk Mengakses, Mengubah atau Menghapuskan Data Peribadi) mesti dihantar secara bertulis ke alamat yang dinyatakan di bawah dalam Seksyen 20 (Rungutan, Soalan dan Permintaan).

14.2. Tempoh Masa Menjawab. Jabil AS berusaha untuk menjawab tepat masanya kepada permintaan yang betul untuk akses dan perubahan atau penghapusan di bawah Seksyen 14 ini (Hak untuk Mengakses, Mengubah atau Menghapuskan Data Peribadi). Sebarang soalan atau pertanyaan berkenaan tempoh masa jawapan Jabil AS harus diarahkan ke alamat yang dinyatakan di bawah dalam Seksyen 20 (Rungutan, Soalan dan Permintaan).

14.3. Syarat. Jabil AS mempunyai (i) hak yang dibenarkan oleh undang-undang atau kuat kuasa perundangan lain, untuk mengenakan bayaran bagi membiayai kos yang ditanggung berkenaan permintaan yang sewajarnya, dan (ii) mempunyai hak untuk menghapuskan maklumat seperti itu (dan mengesahkan kepada Subjek Data bagi penghapusan tersebut), daripada membetulkan atau mengemas kini maklumat ini di mana maklumat tersebut mengekalkan utiliti terhad.

14.4. Takat Penghapusan Data. Setelah memenuhi penghapusan yang diminta bagi Data Peribadi di bawah Seksyen 14 ini (Hak untuk Mengakses, Mengubah atau Menghapuskan Data Peribadi), Jabil AS dan

Anggota Gabungan AS akan berhenti menggunakan Data tersebut dan akan menggunakan usaha yang wajar secara komersial untuk membuang semua rekod Data tersebut; walau bagaimanapun, ia adalah mustahil untuk menghapuskan maklumat sepenuhnya daripada pangkalan data Jabil berkenaan, disebabkan oleh sandaran dan rekod penghapusan.

15. Perlindungan Privasi Untuk Kanak-kanak. Laman Web Jabil tidak ditujukan kepada kanak-kanak, dan Jabil AS tidak akan menerima atau meminta Data Peribadi daripada individu yang diketahui Jabil AS berumur di bawah 13 tahun. Menurut Akta Perlindungan Privasi Dalam Talian Kanak-kanak 1998, jika Jabil AS mengetahui bahawa kanak-kanak di bawah umur 13 tahun telah memberikan Data Peribadi, Jabil AS akan menghapuskan maklumat ini daripada pangkalan datanya, menurut dasar penghapusannya, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 14 (Hak untuk Mengakses, Mengubah atau Menghapuskan Data Peribadi). Untuk maklumat lanjut berkenaan kanak-kanak berumur di bawah 13 tahun yang memberikan maklumat peribadi kepada laman web, lihat tapak web Jawatankuasa Perdagangan Persekutuan yang menerangkan tentang Akta Perlindungan Privasi Dalam Talian Kanak-kanak 1998 di <http://www.ftc.gov/bcp/online/edcams/kidzprivacy/>.

16. Pengecualian. Seperti yang selanjutnya diberikan dalam Seksyen 10.3 (Pengecualian untuk Persetujuan bagi Pendedahan Tertentu), Jabil AS dan Anggota Gabungan AS mungkin mendedahkan Data Peribadi seperti yang diperlukan dalam prosiding perundangan, atau sebagai jawapan kepada sepina, arahan mahkamah atau arahan pentadbiran yang mendorong pendedahan. Selain itu, dalam kes yang melibatkan ancaman keburukan yang pasti kepada Subjek Data atau kepada orang lain, Jabil AS dan Anggota Gabungan AS mungkin mengeluarkan Data Peribadi untuk mengelakkan atau mengurangkan ancaman. Dalam sebarang kes seperti itu, Jabil AS dan Anggota Gabungan AS akan mengehadakan skop pendedahan, dan akan mendedahkan hanya Data yang diperlukan dengan sewajarnya untuk memenuhi tujuan pendedahan.

17. Perubahan kepada Dasar Privasi Ini. Amalan Perlindungan Data Peribadi yang ditakrifkan dalam Dasar Privasi ini adalah terkini pada Disember 2003. Jabil AS berhak mengubah Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa secara konsisten dengan undang-undang dan prinsip privasi yang boleh diaplikasi. Melainkan perubahan seperti itu mampu mendapatkan perlindungan yang lebih baik kepada kepentingan privasi Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian, perubahan seperti ini hanya dikenakan kepada Data Peribadi yang diterima selepas tarikh berkuat kuasa bagi perubahan tersebut. Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian harus merujuk kepada Dasar Privasi ini untuk maklumat berkenaan perubahan tersebut. Di mana Jabil AS menganggap sesuai, bentuk notis lain akan diberikan berkenaan perubahan tersebut.

18. Tugasan. Jabil AS dan Anggota Gabungan AS akan tertakluk untuk menugaskan atau memindahkan kepada pihak ketiga Data Peribadi yang Jabil AS terima di bawah Dasar Privasi, berhubung dengan jualan atau pemindahan kesemua bahagian yang dikenakan bagi perniagaan atau asetnya atau bagi kepunyaan Anggota Gabungan AS; di mana pihak ketiga tersebut bersetuju sebelum penerimaan Data tersebut untuk mematuhi pengehadaan bagi penggunaan data tersebut yang tidak kurang perlindungannya bagi kepentingan Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian daripada yang dinyatakan dalam Dasar Privasi.

19. Pilihan Undang-undang dan Bidang Kuasa. Dasar Privasi ini akan ditafsirkan menurut undang-undang Negeri Florida, tanpa merujuk kepada sebarang konflik peruntukan undang-undang. Sebarang pertikaian yang muncul di bawah Dasar Privasi ini akan diselesaikan secara eksklusif oleh mahkamah negeri atau persekutuan bertempat di Pinellas County, Florida, dengan pengecualian pertikaian tersebut yang mana Arahan Perlindungan Data memerlukan penyelesaian dalam forum atau bidang kuasa alternatif.

20. Aduan, Pertanyaan dan Permintaan. Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian mungkin menghubungi Jabil AS dan Anggota Gabungan AS (i) dengan aduan berkenaan Dasar Privasi ini atau pelaksanaannya, (ii) dengan pertanyaan berkenaan Dasar ini, (iii) dengan permintaan di bawah Seksyen 14 (Hak untuk Mengakses, Mengubah atau Menghapuskan Data Peribadi), di alamat berikut:

Jabil Circuit, Inc.
US Safe Harbor Compliance
C/O Jason Reynolds
10560 Dr. Martin Luther King Street North
St. Petersburg, FL 33716

Phone: 727-803-3945
Fax: 727-231-3945
e-mail: ussafeharborcompliance@jabil.com

21. Terma yang Ditakrifkan. Terma yang berhuruf besar dalam Dasar Privasi ini mempunyai maksud berikut:

21.1. "Maklumat Kad Perniagaan" bermaksud maklumat yang ditemui pada kad perniagaan piawai, seperti yang selanjutnya ditakrifkan dalam Seksyen 8.3.1 (Maklumat Kad Perniagaan) di bawah.

21.2. "Subjek Data" bermaksud individu semula jadi yang menjadi subjek, dan dikenal pasti dalam Data Peribadi.

21.3. "Maklumat Pemasaran Langsung" mempunyai maksud yang dinyatakan dalam Seksyen 11 (Pilihan dan Hak Memilih Keluar).

21.4. "Pemohon Pekerjaan" bermaksud individu yang menghantar permohonan pekerjaan kepada Jabil AS atau Anggota Gabungan Jabil melalui Laman Web Jabil. Bagi kes peserta yang berada dalam EU dan yang mana kepentingan privasinya dilindungi di bawah Arahan Perlindungan Data, terma "Pemohon Pekerjaan" juga termasuk pemohon yang menghantar permohonan melalui sebarang medium, termasuk Laman Web Jabil.

21.5. "Kesatuan Eropah" atau "EU" bermaksud Kesatuan Eropah yang terdiri daripada Negara-negara Ahlinya, yang diliputi dalam Arahan Perlindungan Data Kesatuan Eropah.

21.6. "Arahan Perlindungan Data Kesatuan Eropah" atau "Arahan Perlindungan data" bermaksud arahan Parlimen dan Majlis Eropah pada 24 Oktober 1995 yang mentadbir pemrosesan maklumat peribadi dalam dan luar Kesatuan Eropah, pengalihan maklumat seperti itu dan pengedaran bagi perundangan kebangsaan bagi negara-negara ahli Kesatuan Eropah adalah konsisten dengan Arahan ini. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Arahan Perlindungan Data Kesatuan Eropah, sila lawati http://europa.eu.int/comm/internal_market/en/dataprot/index.htm.

21.7. "Anggota Gabungan EU" bermaksud Anggota Gabungan Jabil yang terletak dalam Kesatuan Eropah dan tertakluk kepada Arahan Perlindungan Data.

21.8. "Kenalan Perniagaan EU" bermaksud organisasi komersial atau tidak berkeuntungan yang terletak dalam Kesatuan Eropah dan diliputi oleh Arahan Perlindungan Data selain daripada Anggota Gabungan EU. Terma "Kenalan Perniagaan EU" termasuk (i) vendor dan pembekal khidmat, dan pelanggan komersial Jabil AS atau Anggota Gabungan Jabil; (ii) organisasi yang mungkin adalah calon untuk gabungan atau pemerolehan oleh Jabil AS atau Anggota Gabungan Jabil, atau (iii) pekerja individu, pemegang saham, pemilik dan ejen Kenalan Perniagaan EU, sehingga kepentingan privasi individu ini dilindungi di bawah Arahan Perlindungan Data.

21.9. "Pelanggan EU" bermaksud pelanggan pembeli atau pelanggan pengguna produk atau perkhidmatan Jabil AS atau Anggota Gabungan Jabil yang terletak di Kesatuan Eropah dan yang mana kepentingan privasinya dilindungi di bawah Arahan Perlindungan Data.

21.10. "Subjek Data EU" bermaksud Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian yang terletak dalam Kesatuan Eropah dan yang mana kepentingan privasinya dilindungi di bawah Arahan Perlindungan Data.

21.11. "Anggota Gabungan Jabil" bermaksud sebarang perbadanan, perkongsian, syarikat liabiliti terhad atau tertakluk secara langsung atau secara tidak langsung dikawal atau di bawah kawalan yang sama iaitu Jabil Circuit, Inc. Dengan mengesahkan contoh dan bukan dengan cara pengehadan, terma "Anggota Gabungan Jabil" termasuk entiti dan kilang yang dikenal pasti di http://www.jabil.com/contact_us/worldwide_operations.html.

21.12. "Pekerja Jabil" bermaksud pekerja Jabil AS atau Anggota Gabungan Jabil.

21.13. "Jabil AS" bermaksud Jabil Circuit, Inc. yang digabungkan di bawah undang-undang negeri Delaware yang beribu pejabat di St. Petersburg, Florida, USA.

21.14. "Laman Web Jabil" atau " Laman Web" bermaksud laman web Internet Jabil AS di www.jabil.com.

21.15. "Data Peribadi" bermaksud data yang mengenal pasti Data Subjek secara peribadi atau yang mungkin digunakan untuk mengenal pasti Subjek Data secara peribadi (seperti nombor identifikasi yang mengenal pasti Subjek Data). Data Peribadi termasuk data seperti nama individu, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, ID pengguna dan kata laluan, maklumat bil peribadi dan maklumat kad kredit. Data Peribadi tidak termasuk data yang dikodkan atau dibuat tanpa nama, atau maklumat yang tersedia secara umum yang masih belum digabungkan dengan Data Peribadi bukan umum. Dasar Privasi ini mengenakan pengekangan yang tegas kepada data Sensitif (seperti yang terma ini ditakrifkan di bawah) berbanding Data Peribadi; sewajarnya, melainkan dinyatakan dengan jelas, terma "Data Peribadi" tidak termasuk "Data Sensitif".

21.16. "Amalan Perlindungan Data Peribadi" bermaksud amalan berkenaan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan Data Peribadi.

21.17. "Safe Harbor" bermaksud program yang dibangunkan oleh Jabatan Perdagangan A.S dan Jawatankuasa Eropah, yang membolehkan syarikat A.S memenuhi keperluan Arahan Perlindungan Data Kesatuan Eropah. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Safe Harbor Amerika Syarikat, sila lawati <http://www.export.gov/safeharbor/>.

21.18. " Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian" bermaksud Kenalan Perniagaan EU, Pelanggan EU, Pemohon Pekerjaan atau Pelawat Laman. Terma "Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian" tidak termasuk mana-mana individu atau Subjek Data dan tidak termasuk Pekerja Jabil, seperti yang dinyatakan selanjutnya dalam Seksyen 5.2 (Tiada Aplikasi kepada Pekerja Jabil).

21.19. "Data Sensitif" bermaksud Data Peribadi yang mendedahkan keadaan perubatan atau kesihatan Subjek Data; bangsa atau keetnik; politik, agama atau penggabungan falsafah atau pendapat; orientasi seksual; atau keahlian kesatuan perdagangan.

21.20. "Pelawat Laman" bermaksud individu yang melayari Laman Web Jabil atau menghantar maklumat kepada Jabil AS melalui Laman Web Jabil. Untuk tujuan kejelasan, terma "Pelawat Laman" tidak termasuk Pemohon Pekerjaan.

21.21. "Anggota Gabungan AS" bermaksud Anggota Gabungan Jabil di Amerika Syarikat.

21.22. "Anggota Gabungan Seluruh Dunia" bermaksud Anggota Gabungan Jabil selain daripada (i) Anggota Gabungan EU atau (ii) Anggota Gabungan AS.

Notis Memilih Keluar Untuk Pemasaran Langsung

Terma yang berhuruf besar dalam Notis ini ditakrifkan dalam Dasar Privasi Jabil AS untuk Safe Harbor dan Pengguna Dalam Talian. Dasar ini terletak di www.jabil.com

Jabil AS dan Anggota Gabungan AS mungkin ingin menggunakan Data Peribadi secara berkala untuk menghantar Maklumat Pemasaran Langsung kepada Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian. Subjek Data seperti ini mempunyai hak untuk memilih keluar daripada menerima Maklumat Pemasaran Langsung seperti itu, menurut seksyen 11 Dasar Privasi AS Jabil untuk Safe Harbor dan Pengguna Dalam Talian. Jika anda adalah Subjek Data Safe Harbor dan Dasar Privasi Dalam Talian dan anda memilih untuk menggunakan hak memilih keluar ini, sila lengkapkan borang ini dan poskan kepada Jabil AS di alamat berikut:

Jabil Circuit, Inc.
US Safe Harbor Compliance
C/O Jason Reynolds

10560 Dr. Martin Luther King Street North
St. Petersburg, FL 33716

SAYA TELAH MEMBACA DAN MEMAHAMI DASAR PRIVASI JABIL CIRCUIT, INC. UNTUK SAFE HARBOR DAN PENGGUNA DALAM TALIAN DAN DI SINI SAYA MENGGUNAKAN HAK SAYA DI BAWAH UNDANG-UNDANG PRIVASI DAN PRINSIP YANG DIKENAKAN UNTUK MEMILIH KELUAR JABIL CIRCUIT, INC. DARIPADA PENGGUNAAN DATA PERIBADI SAYA UNTUK TUJUAN PEMASARAN LANGSUNG (SEPERTI TERMA YANG DITAKRIFKAN DALAM DASAR PRIVASI JABIL UNTUK SAFE HARBOR DAN PENGGUNA DALAM TALIAN, DI WWW.JABIL.COM) DENGAN MELAKUKAN SEDEMIKIAN, SAYA, SEBAGAI SUBJEK DATA, MEMAHAMI BAHAWA JABIL CIRCUIT, INC. TIDAK AKAN MENGHANTAR MAKLUMAT PEMASARAN LANGSUNG KEPADA SAYA, TETAPI MASIH BOLEH MENGGUNAKAN DATA PERIBADI SAYA UNTUK TUJUAN IA DIAMBIL SECARA ASALNYA ATAU UNTUK YANG MANA SAYA BENARKAN KEMUDIANNYA DAN MASIH BOLEH MENDEDAHKAN DATA PERIBADI SAYA, SEPERTI YANG DITERANGKAN DI TEMPAT-TEMPAT LAIN DALAM DASAR PRIVASI DAN SEPERTI YANG DIBENARKAN ATAU DIPERLUKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG DIKENAKAN.

Tandatangan: _____

Nama Penuh: _____

Tarikh: _____

Alamat Surat Menyurat: _____

No. Telefon: _____

FCH1 #79169 v1